


*Empat
Dekad
Mengisi
Kemerdekaan*



Empat Dekad Mengisi Kemerdekaan

APB 943133
MASKRAR PEMERINTAHAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

27 APR 1998 *Lia N
ol*

Teks disediakan oleh
Bahagian Penerbitan

Rekabentuk Kulit oleh
Bahagian Pengeluaran Visual

Rekaletak oleh
DTP Bahagian Penerbitan

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia,
Kementerian Penerangan untuk
Jawatankuasa Induk Hari Kebangsaan ke 40.
B007(B.M) OGOS 1997 (010.)
Dicetak oleh Maziza Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

*h
959.5
Empt
f*



KANDUNGAN

PERJUANGAN KE ARAH KEMERDEKAAN	9
PENGISIAN KEMERDEKAAN	15
Pengisian Dekad Pertama (1957-1967)	17
Pengisian Dekad Kedua (1968-1977)	20
Pengisian Dekad Ketiga (1978-1987)	21
Pengisian Dekad Keempat (1988-1997)	23
PENUTUP	32





Bendera Persekutuan Tanah Melayu sedang dinaikkan menggantikan Bendera Union Jack pada 31 Ogos 1957.



“Kenangan dan fikiranlah sambutan yang diberikan oleh rakyat negara kita menjelangnya kemerdekaan. Berpuluhan ribu menunggu di Melaka untuk menyambut rombongan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj balik dari London bagi mengumumkan tarikh kemerdekaan; berpuluhan ribu menyaksikan bendera penajah diturunkan dan bendera negara dikibarkan di Padang Kelab Selangor dan berpuluhan ribu juga yang menyahut sama ‘merdeka’ di Stadium Merdeka. Mereka datang sendiri, tidak ramai yang berkereta, tapi ramai yang menaiki bas atau berjalan kaki dan sebagainya. Pendek kata, sambutannya secara spontan, tidak disusun, bersendirian. Semua ini oleh kerana mereka telah merasai pahit-maung hidup dijajah, hidup ditekan, dikongkong, bahkan maruah sebagai individu, golongan atau masyarakat dihina. Apabila kebebasan diisytiharkan, inilah detik dan masa yang paling bermakna bagi mereka. Apatah lagi kebebasan dicapai berkat perjuangan mereka dan berkat semangat yang berkobar yang mengusik jiwa mereka - semangat kebangsaan atau ‘nasionalisme’. Nasionalisme inilah yang melahirkan negara - nasionalisme yang tidak angkuh. Sebaliknya nasionalisme yang menjunjung tinggi maruah dan kehormatan bangsa.”

Y.A.B. DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD
Perdana Menteri Malaysia



Pengorbanan para pejuang untuk memerdekakan tanah air tercinta ini tidak boleh dilupakan begitu sahaja dan ianya menjadi aspirasi dalam menghadapi alaf baru.



PERJUANGAN KE ARAH KEMERDEKAAN




Tahun ini genaplah empat dekad kita menyambut kemerdekaan Tanah Air yang tercinta. Ingatan Perdana

Menteri pada setiap kali menjelang sambutan Hari Kebangsaan amat bertepatan sekali iaitu agar kita sentiasa mengenang dan memikirkan betapa bersyukurnya kita hidup dalam sebuah negara yang merdeka.

Mengenang sejenak dalam pilihanraya yang diadakan pada tahun 1955, Perikatan telah menetapkan dasar politiknya dengan harapan untuk mencapai kemerdekaan dalam tempoh empat tahun. Namun kemerdekaan telah dicapai lebih awal lagi iaitu dalam masa dua tahun. Ada dua faktor yang mempercepatkan proses kemerdekaan iaitu pertama, kesungguhan tiga kaum yang terbesar untuk bersatupadu dan kedua, wujudnya Darurat.

Kerajaan British telah menetapkan satu syarat penting bagi mencapai kemerdekaan, iaitu tiga kaum terbesar di dalam Persekutuan Tanah Melayu ketika itu hendaklah bekerjasama dalam bidang politik. Syarat ini dikenakan oleh sebab wujudnya beberapa perbezaan di kalangan tiga kaum tersebut. Dengan wujudnya semangat toleransi di kalangan tiga kaum terbesar itu maka proses persefahaman ke arah melahirkan semangat kerjasama telah menampakkan hasil yang diharapkan.



*Semangat nasionalisme menjunjung
tinggi marah dan kehormatan bangsa.*



Kehadaan Darurat juga merupakan faktor penting dalam mempercepatkan proses kemerdekaan. Ini kerana perjuangan menentang pengganas Komunis tidak boleh dianggap sebagai urusan tentera semata-mata. Dengan kesedaran tersebut kemajuan dan perkembangan politik mendapat keutamaaan.

Pembentukan Perikatan itu sendiri menjadi satu pertimbangan yang menyebabkan kerajaan British tidak keberatan untuk memenuhi tuntutan rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Parti ini berpegang kuat kepada sistem ekonomi bebas. Justeru itu, kepentingan British yang banyak terdapat di negara ini pada ketika itu tetap akan terpelihara.



Walaupun pelbagai masalah timbul dalam usaha mencapai kemerdekaan, namun akhirnya pada bulan Januari 1956, Yang Teramat Mulia Tunku





Berganding bahu
berpimpin tangan
mengeratkan
perpaduan
merealisasikan
wawasan negara.






Abdul Rahman telah membentuk dan mengetuai satu rombongan ke London. Rombongan yang dikenali sebagai Rombongan Kemerdekaan ini terdiri daripada empat orang wakil Perikatan dan empat orang wakil Raja-Raja Melayu.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dengan wakil Ratu British pada 5 Februari 1957. Detik yang dinanti-nantikan telah


tiba apabila pada 31 Ogos 1957 Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman membaca Perisytiharan Kemerdekaan di Stadium Merdeka dengan disaksikan oleh beribu-ribu rakyat Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman kemudiannya dikenali sebagai 'Bapa Kemerdekaan'.



PENGISIAN KEMERDEKAAN

Tugas para pejuang yang menuntut kemerdekaan dari kerajaan British kini telah selesai dan tinggal dalam lipatan sejarah negara. Sebagai rakyat yang cintakan negara dan menghargai erti kemerdekaan, kita seharusnya bersyukur dan terhutang budi di atas segala pejuangan mereka hingga membolehkan kita mengecapi nikmat hidup di dalam sebuah negara yang aman, berdaulat dan merdeka.

Setiap daripada kita mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan kesinambungan perjuangan dalam memenuhi hasrat, cita-cita dan wawasan mencorak serta



“...Merdeka bukan bererti bebas tanpa batas
merdeka tidak bererti rumah tak perlu berkunci
Merdeka bukan membiar keburu jiwa tak berpagar
merdeka adalah milik kita yang termahal
milik yang ditebus dengan nyawa dan airmata
pelihara lah ia sebijaknya...”
(Zurinah Hassan, 1997)



mewarnakan negara ini mengikut dasar-dasar dan lunas-lunas yang telah ditentukan dan seterusnya mengekalkan kemerdekaan yang dicapai.

Dalam usaha mengisi kemerdekaan, faktor pendidikan dan ekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan kemakmuran dan

kestabilan politik negara. Ekonomi negara akan berkembang dengan sokongan rakyat yang berilmu dan tenaga pekerja mahir hasil sistem pendidikan yang progresif.

Selepas mencapai kemerdekaan, kerajaan telah berusaha untuk memajukan ekonomi negara,

mencapai kejayaan cemerlang dan dikagumi oleh masyarakat dunia. Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dalam masa lapan tahun berturut-turut terus menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Di samping itu, kejayaan Malaysia juga telah menarik pemimpin-pemimpin dunia untuk datang melawat dan seterusnya ingin mengetahui dan mempelajari kejayaan-kejayaan tersebut.




Rancangan pembangunan yang diperkenalkan adalah bertujuan untuk mengembang dan memperseimbangkan ekonomi, menghapuskan kemiskinan dan mengatasi masalah pengangguran.

Dalam meniti usia empat dekad ini, Malaysia telah melalui pelbagai halangan dan rintangan sehingga

PENGISIAN DEKAD PERTAMA (1957-1967)

Dekad pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas kemerdekaan di bawah pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, tiga rancangan pembangunan terawal diperkenalkan iaitu Rancangan Malaya Pertama (1956-1960) dan



Rancangan Malaya Kedua (1961-1965) serta Rancangan Malaysia Pertama yang bermula pada tahun 1966 hingga 1970.

Dengan kemasukan negeri Sabah dan Sarawak, Malaysia telah ditubuhkan pada 16 September 1963. Pegangan kepada konsep demokrasi dan perlembagaan telah menentukan corak kerajaan kita iaitu Sistem Kerajaan Berparlimen seterusnya mencapai segala kebebasan dan kemakmuran yang dirasai dan dinikmati sehingga kini.

Rancangan Malaya Pertama yang juga dikenali sebagai Rancangan Pembangunan Luar Bandar merupakan rancangan pembangunan yang pertama dijalaksanakan. Kawasan luar bandar dan pembukaan tanah pertanian merupakan tumpuan pembangunan rancangan ini.

Sementara melalui Rancangan Malaya Kedua pula, kerajaan berhasrat untuk membanteras kemiskinan, meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, mengurangkan buta huruf dan memberikan



Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak telah berjaya merapatkan jurang antara penduduk bandar dan luar bandar.

perhatian khusus kepada ketidakseimbangan ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar.

Pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama pula mempunyai lima objektif utama iaitu **pertama**, mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat seluruh negara melalui rancangan pembangunan; **kedua**, meningkatkan taraf hidup penduduk yang berpendapatan rendah; **ketiga**, mengurangkan pengangguran; **keempat**, mempelbagaikan ekonomi supaya tidak hanya bergantung kepada getah dan bijih timah sahaja; **kelima**, membangunkan keadaan sosio-ekonomi luar bandar.

Sistem Pendidikan selepas tahun 1961 telah menjurus kepada falsafah pendidikan negara iaitu satu usaha berterusan ke arah menyumbangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada agama. Usaha ini bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlik mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.



Amanah Saham Nasional yang dilancarkan oleh Tun Hussein Onn telah meningkatkan taraf ekonomi kaum Bumiputera khasnya dan rakyat amnya.

PENGISIAN DEKAD KEDUA (1968-1977)

Dasar-dasar dan rancangan-rancangan kerajaan pada dekad ini menitikberatkan faktor perpaduan. Ekoran dari Peristiwa 13 Mei 1969, Tun Abdul Razak yang pada ketika ini menjadi Perdana Menteri

Malaysia Kedua dan lebih dikenali sebagai 'Bapa Pembangunan Malaysia' telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru atau DEB (1970-1990) iaitu satu rancangan ekonomi jangka panjang selama 20 tahun. Matlamat utama DEB yang dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Kedua



hingga Kelima ialah untuk mewujudkan perpaduan negara melalui dua langkah penting iaitu pertama, pengurangan dan seterusnya pembasmiaran kemiskinan dan kedua, penyusunan semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut pekerjaan.

Bagi menguatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, Rukunegara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sebagai pedoman kita yang berperanan untuk membentuk perpaduan dan menjamin kesejahteraan masyarakat Malaysia.

Rukunegara menjadi panduan bagi rakyat Malaysia bertindak dengan memberi tumpuan kepada matlamat untuk mewujudkan satu

masyarakat yang bersatu, demokratik, adil, liberal dan saintifik.

PENGISIAN DEKAD KETIGA (1978-1987)

Dasar Ekonomi Baru terus dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Ketika ini Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia Ketiga. Sepanjang perkhidmatannya, beliau sentiasa menekankan kerukunan hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan kesejahteraan untuk setiap rakyat. Atas pengorbanan yang sedemikian, Tun Hussein Onn telah digelar sebagai 'Bapa Perpaduan'.

Pada tahun 1980, Kerajaan telah melancarkan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) sebagai langkah



untuk menggalakkan pemilikan modal saham syarikat oleh kaum Bumiputera. Pada tahun yang sama juga Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) telah ditubuhkan.

Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) menyaksikan Malaysia mencebur ke bidang industri berat yang bertujuan mengurangkan pergantungan negara kepada negara lain dari

segi bekalan alat jentera. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat pada tahun 1981.

Pelbagai program dan dasar diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sejak beliau memegang jawatan Perdana Menteri. Bermula dengan Kad




Perakam Waktu, Dasar pandang ke timur, Dasar Penswastaan, Dasar Persyarikatan Malaysia hinggalah ke Wawasan 2020.

Dasar-dasar tersebut telah dilaksanakan dengan jayanya bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan produktiviti negara yang seterusnya telah menaikkan nama Malaysia di mata dunia sehingga kini.

PENGISIAN DEKAD KEEMPAT (1988-1997)

Di akhir pelaksanaan DEB dan Rancangan Malaysia Kelima didapati ekonomi negara meningkat dengan perkembangan yang hampir seimbang antara sektor perusahaan, pertanian dan perkhidmatan.

Eksport negara meningkat dengan pesat daripada 12 peratus pada tahun 1970 kepada 60.4 peratus pada



Tahun 90-an merupakan langkah awal memasuki Era Teknologi Maklumat.



tahun 1990. Sementara itu, taraf hidup rakyat meningkat dan pengagihan pendapatan di kalangan rakyat menjadi lebih saksama.

Daripada sebuah negara yang berpendapatan rendah, ekonominya yang mundur, bergantung semata-mata kepada getah dan bijih timah sebagai sumber kekayaan ekonomi yang utama, Malaysia telah meningkat kepada sebuah negara yang mempelbagaikan bidang ekonomi kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian dengan disokong oleh kedudukan kewangan yang kukuh.

Di awal Rancangan Malaysia Keenam, Dasar Pembangunan Nasional telah diwujudkan bagi menggantikan DEB dengan tujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di samping mewujudkan peluang yang lebih adil kepada semua pihak.

Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir pada tahun 1991 adalah bertujuan mengemukakan beberapa pandangan mengenai arah masa depan negara dalam usaha untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Matlamat Malaysia adalah untuk menjadi negara maju mengikut cara tersendiri tanpa terikut-ikut cara dan corak negara maju tersebut.

Dasar Penswastaan sistem kewangan negara yang kukuh telah menaikkan lagi innej Malaysia di mata dunia.



Wawasan 2020 adalah bertujuan untuk mencapai kejayaan yang mencakupi semua bidang termasuk aspek moral, sosial, ekonomi, politik, kerohanian dan kebudayaan.

Kestabilan negara yang terus wujud adalah hasil daripada kerjasama yang wujud antara semua kaum yang sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi menentukan perpaduan dan keharmonian kaum terpelihara. Kunci utama

kepada perpaduan yang dibanggakan ini ialah amalan kepada semangat toleransi dan sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain. Kerajaan adalah komited untuk terus membawa kemajuan dan kemakmuran yang lebih besar kepada negara di samping menjamin negara akan terus stabil dan aman.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Pelan Induk



Perindustrian Kedua telah dilancarkan pada tahun 1996. Satu lagi peristiwa yang boleh membanggakan semua rakyat ialah pelancaran MEASAT I dan II - Satelit canggih untuk komunikasi dan penyiaran.

Selama lapan tahun berturut-turut Malaysia telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat iaitu melebihi lapan peratus. Kadar pertumbuhan yang tinggi ini telah membolehkan negara terus menyedia

dan meningkatkan kemudahan-kemudahan bagi keselesaan rakyat.

Dalam tahun 90-an juga tumpuan diberikan ke arah Era Teknologi Maklumat (IT). Melalui MSC iaitu satu kawasan seluas 15 kilometer kali 50 kilometer dari Pusat Bandar Kuala Lumpur hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang dibangunkan Bandar Putra Jaya dan Bandar Cyber. Kedua-dua bandar




ini dilengkapi dengan segala infrastruktur dan komunikasi supaya segala urusan boleh dibuat melalui multimedia.

Zaman IT akan mendorong kita mengubah cara hidup dan cara bekerja. Lebih awal kita menyesuaikan diri, lebih cepat kita mempelajari ilmu-ilmu ini, lebih baiklah masa depan. Di zaman ini maklumat menjadi kekayaan baru di dunia.

Memandangkan hakikat bahawa akhlak yang mulia memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat yang berjaya, maka adalah penting kita menerima peri mustahaknya

Kepesatan pembangunan yang dialami oleh Malaysia terbukti dengan mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi lebih lapan peratus selama lapan tahun berturut-turut.







Satu ketika dahulu Kuala Lumpur hanya merupakan kawasan pertumbuhan yang menjadi tumpuan pelombongan-pelombongan dari China. Namun kini, Kuala Lumpur telah menjadi tumpuan pelabur-pelabur asing yang ingin melabur dalam pelbagai bidang ekonomi sehingga negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang amat membangangkan.


menerapkan elemen-elemen yang membina dalam budaya kita.


Masyarakat yang berjaya perlu memiliki akhlak yang halus dan mulia serta meletakkan nilai-nilai murni di tahap yang tinggi di samping mempunyai maklumat dan ilmu pengetahuan yang berguna.






Kecemerlangan pendidikan negara berjaya melahirkan generasi pelapis kepada kepimpinan yang ada sekarang.





Kemerdekaan yang dicapai melalui
semangat nasionalisme para prajang
tidaklah disyaki dari dalamnya tak
oleh generasi kanak agar negara terus
cemerlang dan makmur.

Kejayaan pasukan Malaysia
menakluki puncak Everest
membuktikan kita boleh
melakukan apa yang orang
lain boleh lakukan.
Malaysia Boleh!



PENUTUP

Walaupun semasa mencapai kemerdekaan 40 tahun yang lalu, ramai yang meramalkan negara ini akan hancur kerana mempunyai rakyat yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan, namun kini Malaysia mampu membuktikan kepada dunia bahawa rakyat yang berbeza kaum bukan penghalang sesebuah negara untuk mencapai kejayaan.

Rakyat yang berpegang kepada elemen-elemen akhlak yang mulia termasuk rajin, berdisiplin dan

saling hormat menghormati, negara majmuk seperti Malaysia boleh mencapai mercu kejayaan dan kecemerlangan.

Dalam kita menuju ke Zaman IT, kita tidak boleh lupa akan pentingnya negara terus aman dan stabil. Perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum mestilah diteruskan. Dasar-dasar negara yang menitikberatkan agihan kekayaan ekonomi secara sama rata, keadilan serta pegangan kepada nilai-nilai murni hendaklah dijayakan dengan kerjasama semua pihak. "Akhlik Mulia Masyarakat Jaya"